BAC labur RM660 juta di Nilai

- **Bina kemudahan pembuatan baharu di Nilai**
- **Dijangka di bina tahun 2027**



ZUAIDA (tengah) dan Don Fetzer (empat dari kanan) pada majlis pecah tanah projek pembangunan kemudahan baharu BAC di Nilai semalam.

PETALING JAYA – Syarikat peneraju global dalam penyelesaian penyejukan mampan, BAC melabur sehingga AS$150 juta (RM660 juta) untuk pembangunan pembuatan baharu di Nilai, Negeri Sembilan yang dijangka siap menjelang tahun 2027.

Pelaburan strategik ini membuktikan komitmen jangka panjang syarikat terhadap pasaran Malaysia, sekali gus memperkukuh strategi untuk menawarkan perkhidmatan yang lebih baik kepada pelanggan di seluruh rantau Asia Pasifik (APAC).

Projek tersebut akan melibatkan dua fasa iaitu pembinaan kemudahan pembuatan seluas 30,000 meter persegi dengan dilengkapi pejabat kejuruteraan serta pembuatan serantau.

Fasa kedua pula melibatkan penubuhan pusat penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta kemajuan teknologi pembuatan, dengan sasaran siap sepenuhnya menjelang tahun 2030.

Kemudahan baharu ini bakal mengintegrasikan teknologi pembuatan termaju dan automasi bagi mengeluarkan portfolio produk BAC seperti menara penyejuk litar tertutup, sistem penyejukan hibrid dan penyelesaian penyejukan cecair.

Presiden BAC, Don Fetzer berkata, Malaysia menjadi pasaran penting bagi Kumpulan dalam merealisasikan strategi pertumbuhan global untuk jangka panjang bagi menyokong pelanggan dengan penyelesaian penyejukan yang cekap tenaga.

"Kemudahan di Nilai ini akan menempatkan makmal pembangunan dan ujian produk terkawal iklim yang terbaharu di APAC, bagi membolehkan pasukan kejuruteraan tempatan menguji teknologi penyejukan yang sesuai untuk iklim tropika.

"Projek ini turut menyasarkan standard *LEED Gold* dan *FM Approved*, yang direka dengan ciri-ciri cekap tenaga bagi mengurangkan pelepasan gas rumah hijau (GHG) dan mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai hab inovasi pembuatan serantau," katanya dalam kenyataan.

Selain itu, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan Pelaburan) Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) Zuaida Abdullah menjelaskan, pelaburan BAC mencerminkan keyakinan pelabur yang semakin meningkat terhadap Malaysia sebagai destinasi pembuatan bernilai tinggi dan mampan.

"Pelaburan ini mewujudkan 'kesan pengganda' yang kami sasarkan, iaitu menjana sehingga 200 peluang pekerjaan berkemahiran tinggi untuk bakat tempatan menjelang 2035, selain membuka peluang rantaian bekalan baharu bagi Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) tempatan," katanya.

Tambah beliau, inisiatif ini juga menyokong Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) 2030 dan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) dalam usaha mencapai sasaran pelepasan sifar bersih menjelang 2050.

Yew Gadget perkenal jenama peribadi Boss Mario

PETALING JAYA – Yew Gadget (M) Sdn Bhd (Yew Gadget) telah menawarkan perkhidmatan kepada lebih 20,000 pelanggan dengan merekodkan sebanyak 20,934 transaksi sejak tahun 2025, membolehkan kejayaan syarikat diiktiraf sebagai 'Top Dealer' untuk beberapa jenama utama bagi OPPO, Realme dan YS Digital.

Pengasas syarikat, Yew Boon Xiang berkata, perkembangan ini dipacu oleh prestasi jualan dan standard operasi berkualiti ditawarkan kepada pelanggan.

Menurut beliau, kejayaan bagi sesebuah perniagaan bukan sekadar bergantung kepada jualan tetapi dibina melalui integriti, kualiti produk dan komitmen terhadap perkhidmatan pelanggan.

"Aset paling bernilai sesebuah syarikat bukanlah jualan atau keuntungan semata-mata, tetapi kepercayaan yang dibina bersama pelanggan.

"Jenama mengambil masa bertahun-tahun untuk dibina, tetapi kepercayaan boleh hilang dalam beberapa saat.

"Jika kita menipu pelanggan walaupun sekali, mereka mungkin tidak akan kembali dan tidak lagi memperkenalkan perniagaan kita kepada orang lain.



YEW BOON XIANG membina empayar bisnes bermula tahun 2018 secara kecil-kecilan hinggalah menerima banyak anugerah dan pengiktirafan.

"Sebab itu, menjaga nama baik jenama adalah tanggungjawab paling besar," katanya dalam satu temu bual di sini baru-baru ini.

Boon Xiang atau lebih mesra dikenali sebagai Boss Mario memaklumkan, penanda aras bagi mengukuhkan daya saing syarikat dalam industri telefon pintar terpakai tertumpu kepada tiga fokus utama iaitu menawarkan produk berkualiti, memperkukuhkan perkhidmatan selepas jualan dan membangunkan jenama peribadi sebagai platform pendidikan serta perkongsian ilmu kepada pengguna.

"Kami juga bercadang untuk meluaskan operasi Yew Gadget ke seluruh negara agar lebih ramai pengguna dapat menikmati pengalaman membeli telefon terpakai yang diyakini, telus dan selamat," katanya yang sebelum ini menjadi jurujual telefon bimbit lebih 13 tahun.

Mengulas mengenai pengalamannya dalam industri itu sejak syarikat ditubuhkan pada tahun 2018, Boon Xiang menguruskan hampir setiap aspek operasi secara bersendirian, termasuk pemeriksaan telefon, khidmat pelanggan, jualan serta penghantaran.

Kesungguhan itu menyebabkan beliau hampir tidak pernah bercuti sepanjang tahun demi memastikan setiap pelanggan menerima produk dan memanfaatkan pengalaman terbaik.

"Pengguna sentiasa membandingkan harga dan kualiti. Apa yang boleh kami lakukan ialah memastikan setiap telefon yang dijual memenuhi standard yang tinggi serta disokong oleh perkhidmatan selepas jualan yang bertanggungjawab," jelas beliau.

Menyedari kepentingan tersebut, beliau telah memperkenalkan jenama peribadi Boss Mario pada tahun 2022 menerusi kandungan video pendek yang memfokuskan kepada pengalaman keusahawanan, pengurusan syarikat dan perkongsian ilmu mengenai industri telefon pintar terpakai.

Menurut beliau, pengguna lebih yakin membeli apabila mengetahui individu di sebalik sesebuah perniagaan tampil sendiri untuk berkongsi ilmu, membina hubungan dan bertanggungjawab terhadap jenama yang dibawa.

"Ramai pelanggan masih ragu-ragu apabila membeli telefon terpakai kerana bimbang tentang kualiti dan perkhidmatan selepas jualan.

Apabila mereka mengenali individu di sebalik jenama dan melihat komitmen kami sendiri terhadap setiap pelanggan, keyakinan mereka turut meningkat," katanya.